

Utusan Malaysia Mac 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	02 Mac 2017	ETS: PM arah KTMB segera cari jalan penyelesaian	Datuk Seri Najib Tun Razak	3
2.	02 Mac 2017	Bersubahat, pecah amanah Bekas pegawai kanan Felda mengaku tidak bersalah melibatkan dana RM47.6j		4
3.	02 Mac 2017	Anak ditahan SPRM, Abd. Latiff bercuti		6
4.	02 Mac 2017	Johor bantu SPRM siasat kes rasuah harta tanah - MB Johor		8
5.	03 Mac 2017	SPRM terima 28 maklumat babitkan kastam Selangor	Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah	10
6.	03 Mac 2017	Malaysia catat pelaburan RM207.9 bilion tahun lalu	Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed	11
7.	07 Mac 2017	Usahawan bumiputera Sabah terima dana Teraju RM3.56 juta	Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman	13
8.	08 Mac 2017	Perangi penyelewengan, rasuah	Ketua Pesuruhjaya, Datuk Dzulkifli Ahmad	15
9.	09 Mac 2017	Serah pada SPRM jalankan siasatan - MB	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	16
10.	09 Mac 2017	Kerajaan wujud pasukan khas siasat sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu di Sabah	Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi	17
11.	12 Mac 2017	Segera laksana sistem kewangan Islam - Rais	Pengerusi Lembaga Penasihat Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa (ICIFE), Tan Sri Dr. Rais Yatim	18
12.	13 Mac 2017	Ramai lagi Tan Sri, Datuk Seri terlibat elak cukai Kerajaan rugi jutaan ringgit setiap tahun		20
13.	13 Mac 2017	Wajibkan semula bersara 55 tahun?		22

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
14.	16 Mac 2017	Jamal lapor SPRM penyelewengan dana Tawas oleh Teresa	Pengerusi Gabungan NGO-NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md. Yunos	24
15.	16 Mac 2017	Dasar Buku Negara perlu diperbaharui	Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi	25
16.	18 Mac 2017	Anggota polis wanita minta, terima suapan RM6,000 ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
17.	22 Mac 2017	Anggota polis salah guna kuasa disiasat	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
18.	26 Mac 2017	Kerajaan tubuh pasukan khas tambah baik pengurusan senjata api Rela - TPM	Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi	28
19.	27 Mac 2017	Isu rasuah penganugerahan pingat: SPRM mengadap Sultan Johor	Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar	30
20.	30 Mac 2017	Rasuah: Pegawai polis berpangkat ASP ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	31
21.	30 Mac 2017	Individu cuba rasuah Sultan Johor serah diri	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki	32
22.	31 Mac 2017	Pemegang amanah Yayasan Bumiputra P. Pinang ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	33

02 Mac 2017

1. ETS: PM arah KTMB segera cari jalan penyelesaian

KUALA LUMPUR 2 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) segera mencari jalan penyelesaian terhadap Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dan sistem pembelian tiket secara dalam talian pengangkutan awam itu yang sering menghadapi masalah.

Perdana Menteri berkata, beliau juga mengarahkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) supaya memantau masalah itu dengan teliti serta melaporkan kepadanya dengan segera.

"Saya terima banyak komen dan maklum balas ketidakpuasan hati pengguna dengan perkhidmatan KTMB. Salah satunya mengenai ETS dan sistem pembelian tiket secara dalam talian yang seringkali bermasalah, tidak mesra pengguna dan kadang-kadang tidak boleh diakses.

"Ini bukan perkara sukar untuk diatasi dan tidak sepatutnya berlaku di zaman teknologi hari ini," katanya dalam akaun Facebook beliau semalam. -

2. Bersubahat, pecah amanah

Bekas pegawai kanan Felda mengaku tidak bersalah melibatkan dana RM47.6j



FAIZOULL AHMAD (kiri) dan Muhammad

Sufi Mahbub didakwa melakukan pecah aman dan bersubahat di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 1 Mac - Dua bekas pegawai kanan Felda mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini masing-masing atas dua pertuduhan melakukan pecah amanah dan bersubahat melibatkan dana agensi itu sebanyak RM47.6 juta, tiga tahun lalu.

Bekas Pengarah Besar, Datuk Faizoull Ahmad, 57, dan bekas Timbalan Pengarah Besar Sumber Strategik, Muhammad Sufi Mahbub, 53, membuat pengakuan tersebut selepas semua pertuduhan terhadap mereka selesai dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Allaudeen Ismail.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, Muhammad Sufi didakwa sebagai orang yang telah diamanahkan penguasaan ke atas dana Felda telah melakukan pecah amanah dengan melupus dan meluluskan pembayaran RM25,999,000 dan RM21,625,500 tanpa kelulusan Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Tender Felda.

Kelulusan itu dibuat menerusi perjanjian Technology Transfer and Supply Agreement dan Design-Build Contract Agreement dengan I2C Hassed (M) Sdn. Bhd., melalui Felda Caviartive Sdn. Bhd.

Pertuduhan terhadap bapa tiga anak itu dikemukakan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan (akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat dan boleh juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Faizoull pula didakwa bersubahat dengan Muhammad Sufi untuk melakukan perbuatan tersebut dan pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 109 kanun sama dan dibaca bersama Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman serupa.

Kesemua pertuduhan tersebut didakwa dilakukan di Bangunan Wisma Felda, Jalan Perumahan Gurney, di sini antara 13 Januari dan 23 Julai 2014.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib manakala peguam-pegawai Mohd. Irwan Mohd. Mubarak mewakili Muhammad Sufi serta Azad Bashir mewakili Faizoull.

Mahkamah membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM1 juta dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan iaitu mereka perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan menetapkan 27 April ini untuk sebutan semula kes.

"Kedua-dua tertuduh dibenarkan membayar deposit RM500,000 pada hari ini untuk jaminan berkenaan manakala bakinya RM500,000 dilunaskan pada atau sebelum 22 Mac ini. Mahkamah juga membenarkan jaminan menerusi geran tanah dengan nilai setara," katanya.

02 Mac 2017

3. Anak ditahan SPRM, Abd. Latiff bercuti

ISKANDAR PUTERI 1 Mac - Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd. Latiff Bandi bercuti bermula hari ini untuk satu tempoh tertentu berikutan kes anak lelaki dan pegawainya disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika ini.



Abdul Latiff Bandi

Perkara itu dimaklumkan Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Md. Jais Sarday dalam sidang akhbar selepas mesyuarat pengerusi jawatankuasa negeri di Kota Iskandar, di sini hari ini.

Menurut Md. Jais, Abd. Latiff membuat permohonan cuti ketika bertemu Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sebelum mesyuarat bermula kira-kira pukul 9.30 pagi.

"Menteri Besar memaklumkan perkara tersebut semasa mempengerusikan mesyuarat pengerusi jawatankuasa negeri di Bangunan Dato' Jaafar di sini. Pertemuan antara Abd. Latiff dan Mohamed Khaled itu berlangsung selama kira-kira 10 minit," katanya.

Sejak Sabtu lalu, tujuh lelaki termasuk anak dan pegawai khas Abd. Latiff ditahan kerana disyaki terlibat dalam rasuah dan penyelewengan hartanah termasuk menukar status rumah bumiputera kepada bukan bumiputera.

Kegiatan tersebut dipercayai dilakukan suspek yang berusia antara 25 hingga 50 tahun itu sejak 2013 dan turut melibatkan beberapa syarikat pemaju perumahan di negeri ini.

Difahamkan pukul 9.10 pagi semalam Abd. Latiff disoal siasat suruhanjaya tersebut negeri sebelum meninggalkan pejabat SPRM negeri di sini kira-kira empat jam kemudian.

Md. Jais berkata, permohonan cuti itu bagaimanapun hanya melibatkan jawatan dipegang Abd. Latiff dalam kerajaan negeri dan bukan jawatan disandangnya dalam parti politik maupun kedudukan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Endau.

4. Johor bantu SPRM siasat kes rasuah hartanah - MB Johor

JOHOR BAHRU 2 Mac - Kerajaan negeri Johor akan memberikan kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan kes penyelewangan dalam urusan hartanah dan perumahan di negeri ini, baru-baru ini.



MOHAMED KHALED NORDIN

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya memandang serius kes itu yang membabitkan enam individu termasuk anak dan seorang pegawai khas kepada seorang Exco kerajaan negeri serta membekukan 45 akaun bank bernilai RM15.5 juta.

"Adalah menjadi komitmen kerajaan negeri untuk memastikan tidak ada campur tangan daripada mana-mana pihak berhubung kes tersebut. Ini bagi memastikan ketelusan dan kelancaran terhadap siasatan yang dijalankan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, semua jabatan serta agensi kerajaan negeri akan memberikan kerjasama penuh kepada SPRM supaya siasatan mengenai penyelewangan itu dapat dilakukan dengan adil.

Tegas Mohamed Khaled, tindakan Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor, Datuk Abd. Latif Bandi, yang memohon bercuti daripada perkhidmatan

sehingga siasatan kes itu selesai, juga amat bersesuaian bagi membolehkan siasatan itu berjalan lancar dan bebas serta membuktikan sikap kerajaan negeri yang berpegang teguh kepada amalan integriti dan ketelusan.

Pada Jumaat lepas, SPRM menahan kesemua suspek itu di negeri ini kerana disyaki bersubahat dalam pengurangan premium tanah yang diluluskan untuk projek-projek perumahan dan perindustrian serta penukaran status premis-premis di Johor.

SPRM juga merampas 21 kereta mewah, lima motosikal berkuasa tinggi, wang tunai kira-kira RM500,000 termasuk matawang asing dan dokumen-dokumen bagi membantu siasatan.

Mohamed Khaled manambah, kerajaan negeri juga akan mengumumkan tidak lama lagi mengenai usaha yang bakal diambil untuk memperkemas prosedur dan tadbir urus berhubung urusan harta tanah dan perumahan bagi mengelak kemungkinan berlaku ketirisan dan penyalahgunaan kuasa.

"Kerajaan negeri akan memperkemas prosedur dan tadbir urus setelah meneliti dan mengambil kira perkembangan mutakhir berhubung isu penyelewengan dalam urusan harta tanah serta perumahan di negeri ini," katanya.

Berikutnya kes itu, katanya kerajaan negeri mendapati adanya kekeliruan pemahaman mengenai isu pertukaran atau pelepasan status rumah-rumah Bumiputera kepada status awam atau bukan Bumiputera.

03 Mac 2017

5. SPRM terima 28 maklumat babitkan kastam Selangor

KLANG 2 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menerima kira-kira 28 maklumat berkaitan rasuah membabitkan pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) negeri itu bagi tempoh lima tahun bermula 2011.

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah berkata, kebanyakan maklumat diterima membabitkan kesalahan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, iaitu menerima rasuah sebagai balasan tidak mengambil sebarang tindakan.

"Oleh itu, kita berharap JKDM Selangor dapat memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya bagi menghadapi masalah ini.

"Selain agensi penguatkuasaan seperti JKDM, dua lagi sektor yang diberi fokus dan berada di bawah radar SPRM adalah pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan pengawal seperti syarikat milik kerajaan.

"Maklumat yang diterima akan dipantau dari semasa ke semasa dan laporannya dihantar terus kepada Pejabat Eksekutif Ketua Pesuruhjaya," katanya dalam sidang akhbar majlis Ikrar Bebas Rasuah JKDM Selangor di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, lebih 300 orang terdiri daripada ketua bahagian, ketua cawangan dan pegawai serta kakitangan JKDM Selangor mengangkat ikrar akan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan secara telus dan menjauhi rasuah.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Perkastaman dan GST) Kastam Malaysia, Datuk Zulkifli Yahya dan Pengarah JKDM Selangor, Datuk Sarip Ismail.

6. Malaysia catat pelaburan RM207.9 bilion tahun lalu

KUALA LUMPUR 2 Mac - Malaysia merekodkan pelaburan berjumlah RM207.9 bilion sepanjang 2016 menerusi sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama, meningkat 7.7 peratus berbanding RM193 bilion bagi tahun sebelumnya.



Daripada jumlah itu, ia menyaksikan pelaburan domestik sebanyak RM148.9 bilion manakala pelaburan langsung asing (FDI) pula berjumlah RM59 bilion.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, tujuh negara utama FDI iaitu Amerika Syarikat (AS), Belanda, China, Jepun, Singapura, Korea Selatan dan United Kingdom (UK) menyumbang 55.8 peratus daripada pelaburan asing yang diluluskan itu, meningkat 63.4 peratus berbanding RM36.1 bilion pada 2015.

"Bagi tahun ini, walaupun kita menjangkakan pertumbuhan sederhana untuk pelaburan yang diluluskan bagi ketiga-tiga sektor berkenaan, tetapi Malaysia masih kekal positif dan terbuka untuk menerima FDI yang berkualiti tinggi.

Mustapa Mohamed

"FDI ini amat penting untuk mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan tenaga kerja mahir dan memupuk

pertumbuhan syarikat-syarikat di negara ini," katanya pada majlis pengumuman Prestasi Pelaburan Malaysia 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Tan Sri Amirsham A. Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Azman Mahmud.

Jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2016 mampu membayai 4,972 projek dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama serta dijangka mewujudkan 153,060 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Menurut Mustapa, setakat Februari tahun ini, pelaburan dalam perancangan adalah berjumlah RM35.3 bilion iaitu perkilangan sebanyak RM18.8 bilion dan perkhidmatan RM16.5 bilion yang melibatkan negara sumber utama dari Belanda, Jepun, Switzerland, Singapura dan AS.

Sementara itu, mengenai hubungan dagangan dengan Korea Utara, Mustapa menjelaskan, Malaysia tidak menyekat sebarang aktiviti perdagangan dengan negara tersebut di sebalik kontroversi pembunuhan Kim Jong-nam.

Katanya, bagaimanapun ia terpulang kepada syarikat swasta untuk membuat pelaburan atau melaksanakan aktiviti perdagangan dengan Korea Utara memandangkan aktiviti perdagangan Malaysia dipacu menerusi sektor swasta.

"Sehubungan itu, kerajaan tidak akan mengawal atau campur tangan dalam sebarang aktiviti syarikat swasta yang mempunyai hubungan dagangan di Korea Utara.

"Malah, kerajaan percaya, tidak banyak syarikat swasta tempatan yang mempunyai kehadiran di sana. Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara juga adalah kecil dan tidak memberi impak kepada ekonomi negara," katanya.

Berdasarkan rekod Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, jumlah dagangan antara Malaysia dengan Korea Utara adalah rendah iaitu RM18 juta pada 2016 manakala RM22 juta pada tahun sebelumnya dengan kebanyakannya adalah produk berdasarkan komoditi.

07 Mac 2017

7. Usahawan bumiputera Sabah terima dana Teraju RM3.56 juta

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman menyerahkan surat tawaran dana daripada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) Sabah kepada seorang usahawan di bawah inisiatif Unit Peneraju Agenda

KOTA KINABALU 7 Mac - Sebanyak 40 usahawan bumiputera negeri ini menerima manfaat pembiayaan berjumlah RM3.56 juta melalui Program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera yang disediakan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, program tersebut yang melibatkan kerjasama Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA) bertujuan memperkasa penyertaan serta penglibatan masyarakat bumiputera dalam bidang keusahawanan.

"Saya berharap menerusi kerjasama antara Teraju dan SEDIA ini, usahawan bumiputera dapat terus bergerak maju dan berdaya saing sekali gus meningkatkan komuniti usahawan bumiputera dalam memajukan ekonomi negara secara menyeluruh melalui bidang keusahawanan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) Sabah di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan; Pembantu Menteri Kewangan negeri, Datuk Ramlee Marahaban; Pengarah Unit Perancang Ekonomi negeri (UPEN), Datuk Osman Jamal; Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh serta Ketua Pegawai Eksekutif SEDIA, Datuk Dr. Mohd. Yaakub Johari.

Dalam perkembangan berkaitan, Musa yang juga Menteri Kewangan negeri memberitahu, Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb) di bawah Teraju menerima hampir 7,000 penyertaan usahawan muda bumiputera dari seluruh negara termasuk Sabah.

"Dari pada jumlah itu, sebanyak 125 pemenang Superb telah diumumkan dengan peruntukan dana sebanyak RM62.5 juta di mana tujuh pemenang berasal dari Sabah dan mereka telah menerima peruntukan sebanyak RM3.5 juta," jelasnya.

8. Perangi penyelewengan, rasuah

PUTRAJAYA 7 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mempertingkatkan usaha memerangi gejala penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa di negara ini.



Dzulkifli Ahmad

Ketua Pesuruhjayaanya, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata, usaha itu juga memerlukan kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak khususnya para penjawat awam.

"Kita akan membawa mereka yang terlibat dalam penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa ke muka pengadilan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V dalam perasmian Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ke-13 di Dewan Rakyat semalam.

Seri Paduka menzahirkan rasa dukacita kerana kegiatan penyelewengan, ketirisan, rasuah dan pembocoran maklumat kerajaan melibatkan penjawat awam dan bekas kakitangan kerajaan masih berlaku di negara ini.

Dzulkifli berkata, SPM turut berazam untuk melaksanakan tugas serta tanggungjawab memerangi rasuah dengan lebih komited dan efisien.

"Sebagai satu-satunya suruhanjaya yang dipertanggungjawabkan untuk memerangi rasuah di negara ini, SPM akan memastikan titah Seri Paduka dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

09 Mac 2017

9. Serah pada SPRM jalankan siasatan – MB**ABD. LATIF BANDI**

ISKANDAR PUTERI 9 Mac - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menjalankan siasatan susulan penahanan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd. Latif Bandi hari ini berhubung kes rasuah dan penyelewengan harta tanah di negeri ini.

"Kita bersimpati tapi saya percaya kita serah kepada SPRM supaya kita dapat capai keadilan. Itu sahaja komen saya," katanya ringkas ketika diminta mengulas penahanan Abd. Latif selepas tamat sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-13 di Kota Iskandar di sini sebentar tadi.

Abd. Latif ditahan kira-kira pukul 11 pagi ini ketika hadir di Ibu pejabat SPRM, di sini untuk memberi keterangan berkaitan kes berkenaan.

Pada 25 Februari lalu, akhbar melaporkan enam lelaki termasuk anak dan pegawai khas Abd. Latif ditahan kerana disyaki terlibat dalam rasuah dan penyelewengan harta tanah termasuk menukar status rumah bumiputera kepada bukan bumiputera.

Susulan itu, Abd. Latif memohon cuti dalam kerajaan negeri untuk membersihkan nama ahli keluarga dan pegawainya bermula 1 Mac lalu.

10. Kerajaan wujud pasukan khas siasat sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu di Sabah

PUTRAJAYA 9 Mac - Kerajaan melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing Sabah (JKPWAS) menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat secara terperinci sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu seperti yang berlaku di Sandakan dan Tawau, di Sabah baru-baru ini.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, tindakan tersebut bertujuan meningkatkan penguatkuasaan kerana telah menjaskannya nama baik kerajaan.

"Kerajaan memandang serius kes-kes pengeluaran dan pengedaran kad pengenalan palsu yang masih dilakukan sindiket tertentu terutamanya di Sabah.

"Sungguh pun kes sebegini merupakan pemalsuan dokumen dan dokumen tersebut tidak sah kerana tidak akan wujud dalam sistem dan rekod pendaftaran negara, namun tindakan lebih agresif dan tegas perlu dilakukan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu beliau yang juga Menteri Dalam Negeri mempengerusikan mesyuarat JKPWAS bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman bagi menangani isu kehadiran pendatang asing yang telah sedia ada di Sabah di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

11. Segera laksana sistem kewangan Islam - Rais

Rais Yatim melancarkan buku *Islamic Leadership Today* karya Dr. Adam Abdullah sambil diperhatikan oleh Abdul Rahman Omar (kiri) dan Khalid Ahmad (kanan) pada Forum Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam di Shah Alam, Selangor, semalam.

SHAH ALAM 11 Mac - Malaysia serta negara-negara Islam lain di Asia Tenggara tidak perlu menunggu persetujuan pihak lain bagi memulakan pelaksanaan sistem kewangan dan perbankan Islam.

Menurut Pengurus Lembaga Penasihat Majlis Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (ICIFE), Tan Sri Dr. Rais Yatim, ini kerana pelaksanaan sistem kewangan Islam mempunyai peranan serta potensi besar dalam mengimbangi sistem kewangan dan perbankan konvensional yang diamalkan di seluruh dunia ketika ini.

Menurut beliau, Malaysia dan beberapa negara di rantau ini seperti Indonesia, Brunei, Singapura serta selatan Thailand mempunyai bilangan umat Islam yang ramai dan jumlah itu jika digabungkan mengatasi populasi umat Islam di rantau lain termasuk di Asia Barat.

"Justeru, dalam memulakan serta menyebarluas sistem kewangan dan perbankan Islam seharusnya negara-negara Islam di Nusantara perlu memulakan inisiatif itu terlebih dahulu.

"Dengan populasi umat Islam dianggarkan seramai 300 juta orang di rantau ini, sistem kewangan dan perbankan Islam mampu digerakkan dengan kesempurnaan. Justeru, tidak perlu kita menunggu negara-negara Islam lain termasuk dalam kalangan anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk bersetuju melaksanakan sistem itu secara meluas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Tahunan ICIFE dan Forum Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam di Hotel Universiti Teknologi Mara (Hotel UiTM) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden ICIFE, Dr. Khaliq Ahmad dan Timbalan Naib Canselor UiTM, Datuk Prof. Ir Abdul Rahman Omar.

ICIFE ditubuhkan pada Januari 2014 merupakan satu inisiatif pendidikan membabitkan kerjasama 12 buah institusi pengajian tinggi awam di negara ini yang diterajui Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi membangunkan program, kualiti kurikulum, profesionalisme serta bakat tenaga pengajar dalam bidang kewangan Islam.

Dalam pada itu, Rais yang juga Penasihat Sosiobudaya Kerajaan berkata, walaupun pelaksanaan sistem kewangan dan perbankan Islam dilihat masih perlahan, namun perkembangannya semakin positif selain mampu menjadi alternatif bagi menggantikan sistem konvensional yang sedia ada.

"Malaysia sendiri sebagai contoh merupakan antara pusat utama sistem kewangan Islam dari segi pasaran perbankan, sukuk dan ekuiti," ujarnya.

13 Mac 2017

12. Ramai lagi Tan Sri, Datuk Seri terlibat elak cukai

Kerajaan rugi jutaan ringgit setiap tahun



KUALA LUMPUR 12 Mac - Kerajaan dipercayai kerugian beratus-ratus juta ringgit setahun hasil, akibat perbuatan elak cukai yang dilakukan oleh beberapa ahli perniagaan termasuk mereka yang bergelar Tan Sri dan Datuk Seri.

Difahamkan ada mereka terdiri daripada ahli perniagaan terkemuka yang memperolehi pendapatan mencecah puluhan juta ringgit sebulan. Kerugian ditanggung kerajaan dikatakan lebih besar berikutan ada dalam kalangan ahli perniagaan tersebut terlibat dalam aktiviti haram seperti perjudian dan pusat hiburan yang beroperasi melebihi tempoh masa ditetapkan.

Selain itu difahamkan ada juga kes yang menyaksikan salah seorang pengarah sebuah bank terkemuka berpakaat dengan ahli perniagaan memanipulasikan pinjaman korporat bernilai jutaan ringgit. Pengarah tersebut didakwa menerima imbuhan tertentu yang mana pembayaran dilakukan di sebuah bank di China.

Sumber memberitahu, perbuatan mengelakkan cukai dalam kalangan ahli perniagaan bertaraf Tan Sri atau Datuk Seri bukanlah perkara baru malah ia sudah berlaku sejak bertahun-tahun lalu.

"Kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan telah memungkinkan keadaan itu terjadi sehingga menyebabkan kerajaan kehilangan hasil negara melalui cukai yang boleh mencecah ratusan juta ringgit setahun," katanya kepada Utusan Malaysia.

Mingguan Malaysia melalui laporan eksklusif mendedahkan kejayaan Pasukan Penguatkuasa Pemulihan Hasil Negara (NRRET) Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyiasat dua ahli perniagaan bergelar Tan Sri.

Kedua-dua mereka yang berpusat di utara dan selatan tanah air didapati mengelak cukai dan salah seorang daripadanya terlibat dalam sindiket judi nombor ekor haram.

Sumber itu menjelaskan, modus operandi ahli-ahli perniagaan tersebut ialah tidak mengisyiharkan jumlah pendapatan sebenar dan ada antara mereka menggunakan negara jiran untuk menyimpan wang hasil perniagaan luar negara.

"Mereka mengaut keuntungan besar termasuk melalui projek-projek kerajaan tetapi boleh dianggap melakukan perbuatan khianat dengan tidak mahu membayar cukai kepada kerajaan sedangkan wang tersebut hendak digunakan bagi memakmurkan ekonomi negara," kata sumber itu lagi.

Sumber tersebut turut mendedahkan, dalam usaha mengelakkan tindakan diambil, ahli-ahli perniagaan berkenaan sering menggunakan nama 'VVIP' yang didakwa rapat dengan mereka.

Selain itu, kata sumber tersebut, bagi ahli perniagaan yang terlibat dalam kegiatan haram seperti perjudian dan pusat hiburan, mereka sanggup mengeluarkan 'modal' bagi merasuah anggota-anggota agensi penguat kuasa.

Jumlah sekitar RM1 juta hingga RM 2 juta yang dikeluarkan oleh ahli perniagaan tersebut bagi tujuan berkenaan bukanlah satu masalah kerana setiap bulan mereka mengautkan keuntungan berpuluhan-puluhan juta ringgit, sebaliknya yang rugi akibat perbuatan tersebut ialah kerajaan.

"Jalinan lautan biru antara sindiket dan penguat kuasa telah lama wujud kerana ada situasi menang-menang antara mereka, yang sentiasa rugi adalah kerajaan. Ini memandangkan kerajaan tidak memperolehi cukai pertaruhan dan duti pertaruhan yang boleh mencecah berjuta-juta ringgit sebulan jika dipungut," katanya.

Difahamkan kesemua ahli-ahli perniagaan itu kini berada dalam radar pemantauan pihak berkuasa dan akan dikenakan tindakan undang-undang termasuk pembekuan aset serta akaun apabila tiba masanya.

Mereka terlibat dalam pelbagai bidang seperti pembuatan, pengilangan, pembangunan harta tanah, perbankan dan automobil. Tidak terlepas daripada radar ialah ahli perniagaan dalam bidaing minyak dan gas, pemilik-pemilik kelab-kelab hiburan dan lesen perjudian.

13. Wajibkan semula bersara 55 tahun?

MERUJUK desas-desus cadangan agar kerajaan mengecilkan saiz perkhidmatan awam di negara ini lantaran kononnya terdapat lambakan 1.6 juta penjawat awam yang didakwa membebarkan kewangan negara.

Sebenarnya, saranan itu tidak akan menguntungkan sesiapa pun, malah dijangka menggugat kredibiliti kerajaan lebih-lebih lagi negara kini sedang bersedia untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Dari aspek tugas, semua penjawat awam berperanan sebagai alat penyampai maklumat kerajaan mengikut fungsi agensi dan jabatan masing-masing. Dari aspek psikologi, keberadaan mereka secara langsung bersama rakyat menyumbang faktor penting dalam mempengaruhi pemikiran dan sikap rakyat terhadap kerajaan.

Dalam konteks Malaysia, sistem penyampaian amat penting dalam membentuk keyakinan rakyat agar terus memberi mandat kepada kerajaan untuk mentadbir negara. Saya amat yakin dengan struktur pentadbiran dan kawasan liputan perkhidmatan yang diguna pakai sehingga kini di samping peranan penjawat awam dapat mempertahankan kedudukan kerajaan selama ini.

Namun apa yang dilihat menjadi isu sejak kebelakangan ini mungkin masalah tanggungan kewangan kerajaan untuk membayai gaji, elaun-elaun tertentu kakitangan kerajaan atau penjawat awam ketika ini.

Kerajaan harus mencari alternatif lain selain memberhentikan penjawat awam dengan sejumlah pampasan. Jika terpaksa, pertimbangkan semula pelaksanaan had umur persaraan wajib 55 tahun sebagaimana diamalkan dahulu. Paling tinggi pun had persaraan wajib 57 tahun.

Sebahagian besar penjawat awam ketika ini berusia melebihi 50 tahun dan sudah pun berada pada kedudukan gaji maksimum dalam gred jawatan masing-masing. Tempat mereka yang dikosongkan kelak selepas bersara boleh diisi dengan pelantikan baharu. Sementelah kini semakin ramai yang berkelayakan dari segi kelulusan akademik dan sebagainya.

Pastinya mereka yang baharu dilantik itu akan berada pada mata gaji jauh lebih rendah. Ini dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Selain pemberian elaun-elaun keraian, sesetengah skim perkhidmatan atau jawatan yang tidak mustahak juga perlu dikurangkan atau ditiadakan dalam tempoh tertentu.

Langkah memecat penjawat awam secara drastik, tidak kira daripada kumpulan mana sekali pun hakikatnya bukan satu tindakan bijak. Perlu diingat, kekuatan kerajaan bukan sahaja ada pada orang politik semata-mata tetapi peranan dimainkan kakitangan kerajaan.

Meskipun mereka tidak berkempen secara langsung untuk kerajaan tetapi keberadaan dan kemesraan hubungan dengan rakyat adalah elemen penting dari sudut 'gerak saraf dan perang saraf' pada pembentukan nilai serta sikap positif rakyat kepada kerajaan.

16 Mac 2017

14. Jamal lapor SPRM penyelewengan dana Yawas oleh Teresa

JAMAL Md. Yunos (dua, kiri) hari ini tampil ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor bagi membuat laporan berhubung penyelewengan dana Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas).

SHAH ALAM 16 Mac - Pengerusi Gabungan NGO-NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md. Yunos hari ini tampil ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor untuk membuat laporan khas kepada Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok berhubung penyelewengan dana Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas).

Jamal bersama kira-kira 50 pengikutnya tiba di perkarangan pejabat SPRM negeri di Wisma PKPS kira-kira pukul 10 pagi dengan membawa dokumen berkaitan yang didakwanya bukti penyelewengan tersebut.

Jamal berkata, kehadirannya hari ini ialah untuk membuktikan bahawa beliau bukan menyebarkan fitnah dan cuba untuk menjatuhkan kredibiliti Ahli Parlimen Seputeh itu, tetapi demi menegakkan keadilan

16 Mac 2017

15. Dasar Buku Negara perlu diperbaharui

KUALA LUMPUR 16 Mac - Kerajaan diminta memperbaharui Dasar Buku Negara (DBN) supaya memberi kesan penting dalam membantu menjayakan wawasan TN50.

Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi berkata, DBN telah diguna pakai sejak era 1980-an yang memerlukan ia diperbaharui kerana asas untuk sesebuah negara menjadi maju adalah ilmu.

"DBN mesti diberi perhatian khusus kerana negara menuju wawasan TN50. Asas sebuah negara maju ialah ilmu. Pencarian ilmu mesti digali menerusi buku, dan buku pula wujud dalam penzahiran kovenisional dan digital.

"Malah, buku adalah rakaman ilmu yang paling asasi serta organik, mengkhazanahkan kecerdasan lokal (local wisdom) mewakili nilai-nilai Malaysiana. Buku mewakili sisi penting yang lebih awla dan huluan (upstream) di dalam rantaian industri kandungan. DBN mesti diperbaharui sejajar dengan perkembangan zaman ini," katanya di ketika membahaskan usul di Parlimen.

Budiman turut mencadangkan dalam menyemarakkan industri buku, Kad Debit Siswa (dahulunya Baucer Buku 1Malaysia) dikembalikan kepada pembelian buku sahaja dan bukan kepada perkara-perkara lain.

"Ekonomi Perbukuan perlu mempunyai indeks-indeks khusus yang menilai kualiti kandungan, kesan terhadap kecerdasan di samping petunjuk-petunjuk ekonomi yang menggambarkan keberadaan (healthcheck) perbukuan negara. Ini termasuklah petunjuk kebolehupayaan pengguna membeli buku," katanya.

Pada sama beliau turut menyarankan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) menggunakan Strategi Lautan Biru (BOS) dan melaksanakan inisiatif merentas sempadan kebiasaan, sekali gus melihat industri buku dalam kerangka lebih menyeluruh.

"Industri buku negara mesti dilindungi. Konsep 'Kedaulatan Kandungan' mesti diambil perhatian supaya karya buku Malaysia didaftar, disimpan dan diarkibkan dalam negara secara bersungguh-sungguh agar kita kelak tidak perlu meminta-minta kandungan kita yang berkemungkinan di simpan dalam repositori digital milik negara asing," katanya.

18 Mac 2017

16. Anggota polis wanita minta, terima suapan RM6,000 ditahan

MELAKA 17 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri menahan seorang anggota polis wanita semalam selepas disyaki meminta dan menerima suapan sebanyak RM6,000 bagi melepaskan seorang tahanan atas kesalahan memiliki air daun ketum.



ANGGOTA polis wanita berpangkat sarjan ditahan oleh **SPRM** negeri di Melaka, kelmarin.

Anggota berpangkat sarjan berusia 27 tahun itu ditahan kira-kira pukul 5 petang di sebuah restoran makanan segera dekat Alor Gajah.

Menurut sumber SPM, siasatan awal mendapati suspek meminta dan menerima wang sebanyak RM6,000 daripada seorang lelaki berusia 31 tahun sebagai dorongan untuk melepaskan adik lelaki tersebut yang ditahan kerana memiliki air daun ketum.

"Dalam tangkapan itu, pihak SPM turut merampas wang suapan sebanyak RM6,000 yang disimpan suspek.

"Anggota polis itu kini ditahan reman selama tiga hari bermula hari ini sehingga Ahad bagi membantu siasatan," kata sumber itu ketika dihubungi di sini hari ini.

Perintah reman terhadap suspek yang bertugas di Ibu pejabat Polis (IPD) Alor Gajah itu dikeluarkan oleh Majistret Analia Kamaruddin di Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah SPM negeri, Abu Talib Othman mengesahkan tangkapan berkenaan dan memberitahu kes sedang disiasat mengikut Seksyen 17(A) Akta SPM 2009.

22 Mac 2017

17. Anggota polis salah guna kuasa disiasat

DUA anggota polis dikenakan tahanan reman bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam. *utusan/ Safrizal Azmi*

ALOR SETAR 21 Mac - Seorang ketua balai polis di daerah Kulim antara dua penguat kuasa ditahan reman enam hari bagi membantu siasatan menyalahgunakan kuasa dengan meminta dan menerima rasuah antara RM200 hingga RM300 sebulan daripada pengusaha setiap lori.

Perintah tahanan reman bermula hari ini hingga Ahad itu dikeluarkan Pendaftar Kanan Mahkamah Sesyen Alor Setar, Rusmini Mat Rashid.

Kedua-dua suspek berusia 57 dan 53 tahun itu ditahan di Balai Polis Mahang dan Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Kulim antara puluk 9 pagi hingga 10 pagi, semalam.

Perintah tahanan reman itu bagi membolehkan siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Menurut sumber SPM, kegiatan dua anggota polis berpangkat sarjan mejar dan koperal itu terbongkar selepas pengadu membuat laporan tentang perbuatan mereka meminta dan mengambil rasuah secara bulanan bagi setiap lori daripada pengusaha lori sejak Januari tahun lalu. Difahamkan, kedua-dua suspek menerima suapan untuk kira-kira 15 buah lori secara bulanan sebagai dorongan agar pengusaha kenderaan berat berkenaan tidak dikenakan saman atas beberapa kesalahan lalu lintas yang sering dilakukan mereka.

Antara kesalahan dilakukan lori tidak mempunyai insurans perlindungan, tiada cukai jalan dan kesalahan lain di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

26 Mac 2017

18. Kerajaan tubuh pasukan khas tambah baik pengurusan senjata api Rela - TPM**Ahmad Zahid Hamidi**

MELAKA 26 Mac - Kerajaan telah menubuhkan pasukan khas yang berperanan melaksanakan beberapa langkah segera dalam menambah baik pengurusan senjata api Jabatan SukaRelawan Malaysia (Rela), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, menerusi pasukan khas berkenaan, urusetia persenjataan Rela akan melaksanakan piawaian baharu yang perlu dipatuhi anggota dan pegawai Rela dalam penggunaan senjata api jabatan itu.

Tindakan menyeluruh termasuk manual pengurusan senjata api yang sedia ada perlu dilaksanakan dan semua arahan tetap Ketua Pengarah Rela dikuatkuasakan serta merta.

"Kita juga telah menubuhkan pasukan naziran senjata api di pejabat Rela Malaysia, melaksanakan pemeriksaan menyeluruh terhadap senjata api serta penambahbaikan tatacara pengeluaran senjata api," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Ayer Keroh di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, pelan pengurusan jangka panjang senjata api Rela turut dirangka antaranya menambah baik stor penyimpanan senjata api dan meningkatkan kemahiran anggota Rela dalam pengurusan persenjataan.

Jelas beliau, jawatan Pegawai Unit Persenjataan (AMRA) akan diwujudkan bagi menjaga dan mengurus semua hal berkaitan senjata api jabatan berkenaan secara lebih efisien dan telus.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya tidak akan berkompromi atau melindungi anggota Rela yang terlibat dalam kes kehilangan senjata api jabatan itu.

"Dalam siasatan (awal) didapati bahawa anggota berkenaan telah menjual senjata api tersebut sejak 2012 dan berdasarkan pengauditan yang dilakukan polis mendapat terdapat penyelewengan dilakukan anggota Rela tersebut.

Siasatan kes ini kita serahkan kepada Polis Diraja Malaysia bagi tindakan sewajarnya...saya sebutkan bahawa kita tidak akan berkompromi dan melindungi individu terbabit.

Hasil siasatan itu kita akan serahkan kepada DPP (Timbalan Pendakwa Raya) untuk perbicaraan di mahkamah," katanya.

Semalam akhbar melaporkan enam individu di Kedah dan Perak ditahan polis selepas dipercayai terbabit dalam aktiviti jual dan beli sebahagian daripada 44 laras senjata api milik Pasukan Rela daerah Selama, Perak, yang dikesan hilang sejak awal bulan ini.

Kegiatan itu terbongkar selepas Unit Penguat Kuasa Lesen Senjata Api Agensi Kerajaan, Urus Setia Ketua Polis Negara (Lesen Senjata Api) Bukit Aman, melakukan pemeriksaan dan audit di Pusat Latihan Rela, Wilayah Utara (PLRWU) di Sungai Petani, Kedah.

27 Mac 2017

19. Isu rasuah penganugerahan pingat: SPRM mengadap Sultan Johor**Dzulkifli Ahmad**

LUMPUR 27 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menghadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar berhubung isu orang tengah yang cuba merasuh baginda untuk penganugerahan pingat kebesaran di sebuah lokasi, sebentar tadi.

Pertemuan di antara baginda dan SPRM diwakili Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad yang tiba di lokasi berkenaan pada pukul 8.30 pagi.

Dzulkifli kemudian dilihat meninggalkan lokasi dengan kenderaan rasminya pada pukul 9.40 pagi dan enggan mengulas lanjut mengenai perkara yang dibincangkan dalam pertemuan itu.

Sementara itu, Sultan Ibrahim juga enggan mengulas lanjut mengenai pertemuan itu ketika ditemui wartawan yang menunggu baginda di lokasi terbabit. "I'm going shopping (saya ingin pergi membeli-belah)," kata baginda sambil berjalan keluar dari lokasi berkenaan ke arah kenderaan rasmi, kira-kira pukul 10.15 pagi tadi.

Pada 25 Mac lepas, menerusi kenyataan yang dimuatnaik dalam laman Facebook baginda bertitah mahu SPRM mengadap baginda segera supaya perkara terbabit dapat disiasat.

Sultan Johor baru-baru ini mendedahkan baginda menerima tawaran RM2 juta daripada seorang individu bagi mencadangkan nama kepada Ketua Setiausaha Negara untuk gelaran 'Tan Sri' daripada Yang di-Pertuan Agong.

30 Mac 2017

20. Rasuah: Pegawai polis berpangkat ASP ditahan SPRM

SHAH ALAM 30 Mac - Tindakan seorang pegawai polis berpangkat Asisten Superintendant meminta dan menerima rasuah akhirnya memakan diri apabila dia ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pegawai berusia 46 tahun itu ditahan semalam selepas dia meminta dan menerima RM5,000 sebagai dorongan untuk melepaskan seorang warga asing yang tidak memiliki permit kerja yang sah.

Turut ditahan dalam operasi yang dilancarkan adalah seorang lelaki warga Bangladesh kerana dipercayai telah bersubahat dengan pegawai polis tersebut.

Kedua-duanya ditahan kira-kira pukul 6 petang di Taman Prima Selayang, Batu Caves.

Suspek kini direman selama tujuh hari sehingga 5 April ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun atau denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah ketika dihubungi mengesahkan mengenai tangkapan itu namun enggan mengulas lanjut. -

30 Mac 2017

21. Individu cuba rasuah Sultan Johor serah diri

PUTRAJAYA 30 Mac - Individu lelaki yang didakwa cuba merasuah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berhubung penganugerahan darjah menyerah diri di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini petang tadi.

**AZAM BAKI**

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Datuk Azam Baki berkata, buat masa ini siasatan masih dijalankan dan sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan kemudian.

"Siasatan masih dijalankan, sama ada suspek akan ditahan reman atau sebaliknya diputuskan esok," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Azam dalam satu sidang akhbar berlainan pagi tadi di sini telah meminta supaya suspek tersebut menyerah diri sebelum pukul 12 malam ini atau identitinya didekahkan dalam media.

Dalam pada itu, difahamkan suspek tersebut yang berumur 54 tahun tiba berseorangan antara pukul 1 hingga 2 petang.

31 Mac 2017 12

22. Pemegang amanah Yayasan Bumiputra P. Pinang ditahan SPRM

LELAKI bergelar Datuk yang merupakan pemegang amanah Yayasan Bumiputra Pulau Pinang Berhad direman di Mahkamah Majistret Georgetown, semalam. **BERNAMA**

PULAU PINANG 30 Mac - Seorang pemegang amanah di Yayasan Bumiputra Pulau Pinang Berhad, bergelar 'Datuk' ditahan reman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa dan kedudukan untuk menerima rasuah.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 70 tahun itu dikeluarkan Majistret Mohamad Amin Shahul Hamid pada pukul 10.45 pagi ini selepas beliau dibawa ke Mahkamah Majistret Georgetown dengan kedua-dua tangannya bergari.

Difahamkan, beliau yang juga Pengurus Penang Port Sdn. Bhd. sebelum itu menyerah diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri di sini, kira-kira pukul 8.30 malam tadi.

Menurut jurucakap SPRM, lelaki itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 kerana menggunakan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan suapan.

Menurutnya, suspek dipercayai menjual tanah milik anak syarikat yayasan berkenaan di negeri ini termasuk membuat keputusan sendiri tanpa melalui persetujuan Ahli Lembaga Pengarah lain.

"Tindakan suspek dikatakan telah menyebabkan kerugian jutaan ringgit kepada anak syarikat milik yayasan berkenaan sejak beberapa tahun lalu. Beliau juga dikatakan telah menjual tanah milik anak syarikat yayasan itu kepada sebuah syarikat yang mempunyai kepentingan pada harga lebih murah daripada asal."

"Suspek dikatakan turut mendapat habuan daripada syarikat yang membeli tanah itu dengan mendapat sekurang-kurangnya satu peratus daripada nilai tanah yang dijual," katanya di sini hari ini

Jelasnya, SPRM kini dalam proses meneliti dan mengkaji dokumen yang telah dirampas daripada suspek untuk membantu siasatan.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Bakri ketika dihubungi turut mengesahkan tangkapan tersebut namun enggan mengulas lanjut.